


CONFERENCE PROCEEDINGS

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON LOCAL KNOWLEDGE 2016 (ICLK) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Local Wisdom: Universal Heritage

27TH - 28TH JULY 2016
ST GILES WEMBLEY, PULAU PINANG, MALAYSIA

ORGANIZED BY



IN COLLABORATION WITH



Keampuhan Senjata Api Melenyapkan Keunggulan Ilmu Bela Diri (Silat): Satu Sanggahan

Abdul Majid Ismail

*Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia.
Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.*

ABSTRAK

Pertentangan pandangan telah berlaku selepas silat diumumkan sebagai ilmu bela diri rasmi negara pada tanggal 18 September 2015. Sekumpulan individu yang tidak mengenali dan tidak beramal dengan ilmu bela diri warisan bangsa (silat) dengan sembrono telah memperlekeh akan peranan dan sumbangan ilmu bela diri ini dengan melebelkannya sebagai ilmu kuno. Kumpulan ini juga mendakwa bahawa zaman ini ialah zaman senjata api bukan zaman silat dan berhujah kononnya senjata api berupaya menjaga keselamatan diri dan mampu megatasi serta menyelesaikan semua masalah persengketaan yang sedang berleluasa kini tanpa perlu kepada ilmu bela diri atau silat. Penulis mengupas isu keampuhan silat berlandaskan bentuk pertempuran atau pertarungan, peranan serta sumbangan utama ilmu bela diri warisan bangsa iaitu silat Melayu dari sudut pembangunan adab dan tamadun bangsa serta sebagai satu bentuk kearifan tempatan. Ilmu silat juga dibuktikan amat penting khususnya dalam menjaga marwah atau harga diri pengamal yang juga ahli masyarakat dalam menempuh kehidupan sebenar dunia moden yang serba bercelaru. Kupasan secara ilmiah ini dibuat berdasarkan pengalaman penulis berkecimpung, beramal dan memimpin organisasi silat pada peringkat negeri dan negara. Sebagai perbandingan, beberapa isu berkenaan pemilikan, penggunaan dan keupayaan senjata api (pistol dan senapang) dalam melindungi pemilik (orang baik) daripada dianiayai penjenayah (orang jahat) juga ditelusuri agar isu ini dilihat secara lebih objektif. Kepada penjenayah, memang sudah semestinya penggunaan senjata termasuk senjata api merupakan satu kelebihan dan akan digunakan untuk melempaskan semua kemahuan mereka tanpa berpandukan akal yang sempurna. Pencerahan tentang kepentingan ilmu bela diri (tempur tanpa senjata/tempur jarak dekat) kepada pasukan keamanan (polis dan tentera) juga dirungkaikan bagi mendapatkan gambaran yang holistik akan kepentingannya dalam persengketaan atau peperangan moden. Hasil kupasan ini diharapkan masyarakat umum akan dapat melihat akan kepentingan dan peranan ilmu bela diri dengan lebih objektif. Silat Melayu khususnya amat perlu dalam mengekalkan jati diri, menjaga diri, bangsa, agama dan negara yang kita cintai. Ilmu bela diri atau silat sebenarnya amat perlu dibangun dan dilestarikan dalam konteks dan suasana yang betul bukan menerusi perbandingan yang tidak setara atau di luar konteksnya.

Kata kunci: *Ilmu bela diri, silat, senjata api, persengketaan, pemilik (orang baik), penjenayah (orang jahat).*

PENGENALAN

Kita semua maklum bahawa silat telah diistiharkan sebagai ilmu bela diri rasmi negara oleh Perdana Menteri Malaysia pada tanggal 18 September 2015 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur (Berita Harian, 2015). Gambar 1 merakamkan peristiwa peristiwa ini yang telah dibuat di hadapan guru-guru silat dan pemimpin tertinggi Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) dan 15,000 ahli silat Melayu dari seluruh negara. Sebagai tindak balas, segelintir individu dan orang awam bukan peminat dan pengamal